

## **Aplikasi Model Analisis Proposisi Bingkai DPM dan Justifikasi Pendapat dalam Wacana di Laman Sosial dan Portal Berita**

**Syahrudin Hj. Awg. Ahmad**

*Foucault (1994) menyatakan bahawa wacana yang memuatkan konsep perlakuan lisan yang ideal berfungsi sebagai satu kaedah mempersembahkan aliran pemikiran yang boleh membantu seseorang ahli masyarakat menerapkan ideologi dan aspirasinya kepada ahli masyarakat yang lain mengikut konteks isu atau situasi semasa dalam masyarakat tersebut. Pandangan Foucault ini dipersetujui oleh Fairclough (2003) yang menjelaskan bahawa wacana mengikut konteks boleh menggunakan bahasa ujaran (lisan) dan komunikasi tanpa ujar (bukan lisan). Malah, Fairclough dan Wodak (1997) yakin bahawa wacana wujud dalam hampir semua situasi dan tujuan. Pandangan Fairclough dan Wodak ini selaras dengan aktiviti wacana di ruangan forum akaun Facebook Pemuda UMNO Malaysia dan dua portal berita iaitu Malaysiakini.com dan Harakahdaily.net. Ketiga-tiga ruangan forum ini diuji menggunakan Model Analisis Proposisi Bingkai DPM dan Justifikasi Pendapat menggunakan pendekatan mengklasifikasikan data menggunakan deskriptor petunjuk corak dan aliran pendapat, menghuraikan proposisi bingkai diagnostic, prognostic dan motivational (DPM) dan justifikasi hujah pendapat. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat pola ideologi dan tujuan untuk bertindak terhadap sesuatu perkara dalam hampir setiap hujah pendapat yang dikemukakan oleh setiap peserta wacana di ruangan forum laman sosial dan portal berita.*

**Kata Kunci:** bingkai diagnostic, prognostic dan motivational (DPM), justifikasi pendapat, proposisi bingkai DPM

### **Pendahuluan**

Fungsi satu-satu wacana berkait rapat dengan aspek peranan dan kesan kepada masyarakat. Keterangan ini diyakini oleh sarjana-sarjana aliran pasca-struktural seperti Flyvbjerg (2000) yang menjelaskan bahawa wacana adalah usaha satu-satu pihak untuk merasionalkan satu-satu isu dalam masyarakat menggunakan elemen *rationality* untuk mempamerkan keupayaan berfikir secara logik dan analitikal. Dalam hal ini, Flyvbjerg menjelaskan bahawa pertimbangan yang rasional amat penting yang bukan ditunjukkan

<http://jkob.cseap.edu.my/index.php/journal/full/2-2.pdf>

semata-mata untuk mencapai matlamat yang ideal tetapi lebih dari itu, *rationality* dilihat berfungsi sebagai satu bentuk tindakan komunikasi (*communicative action*) yang dipraktikkan melalui persepakatan atau persetujuan daripada semua pihak. Kenyataan ini mengesahkan wujudnya konsep "*ideal speech situation*" (perlakuan lisan yang ideal mengikut konteks) sepertimana yang pernah disebut oleh Habermas (1989a, 1989b) bahawa masyarakat seringkali dilihat berusaha mencari peluang untuk mengemukakan tuntutan moral dan politik dengan cara mempertahankan asas *rationality* melalui gagasan konsep "*deliberative democracy*" di mana setiap individu sedar bahawa mereka memiliki autonomi masing-masing terhadap diri sendiri. Perkara ini dianggap sebagai satu bentuk tanggungjawab yang direalisasikan menerusi hujah-hujah yang kritis.

Lantaran itu, penulis yang sependapat dengan Flyvbjerg (2000) dalam melihat wacana sebagai suatu perlakuan lisan dan tulisan yang ideal kini boleh dikesan wujud dalam persekitaran tempatan. Pengesanan wacana mengikut konteks boleh dilakukan menerusi aplikasi Model Analisis Proposisi Bingkai DPM dan Justifikasi Pendapat ke atas kandungan mana-mana forum yang membincangkan satu-satu isu secara topikal di laman sosial dan portal berita. Untuk itu, penyelidik telah menguji model ini ke atas akaun laman sosial milik Pemuda UMNO Malaysia iaitu sayap parti UMNO Malaysia dan dua portal berita iaitu Malaysiakini.com serta laman sesawang parti pembangkang iaitu Harakahdaily.net. Penyelidik menggunakan pendekatan mengklasifikasikan data menerusi deskriptor petunjuk corak dan aliran pendapat, merumuskan proposisi bingkai *diagnostic*, *prognostic* dan *motivational* (DPM) serta justifikasi hujah pendapat. Semua data dirumuskan berpandukan kenyataan dalam hujah pendapat para peserta forum dan mencerakin bingkai DPM untuk menonjolkan pola bingkai DPM dalam setiap hujah pendapat.

### **Analisis ke atas forum di Laman Sosial dan Portal Berita**

Penyelidik memilih untuk menguji Model Analisis Proposisi Bingkai DPM dan Justifikasi Pendapat ke atas kandungan wacana di internet iaitu masing-masing satu akaun Facebook dan dua portal berita rasmi untuk mengetahui landskap forum di setiap satu aplikasi sosial dan berita ini. Tumpuan ke atas forum di ketiga-tiga aplikasi adalah kepada corak dan aliran pendapat, proposisi serta pola bingkai DPM dan justifikasi hujah pendapat yang diperlihatkan oleh setiap seorang peserta forum.

### **Analisis perbincangan di akaun Facebook Pemuda UMNO Malaysia**

Forum yang dipilih daripada akaun laman sosial Pemuda UMNO Malaysia memusat kepada isu kerajaan negeri Selangor yang diterajui oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR)

Selangor yang ditempelak oleh Timbalan Perdana Menteri (TPM), Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana cuba menyalahkan Kerajaan Pusat setelah gagal mengambil alih empat syarikat konsesi perkhidmatan bekalan air di negeri ini. TPM menyatakan bahawa kerajaan negeri pimpinan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim perlu merundingkan harga yang perlu dipersetujui dengan syarikat-syarikat konsesi tersebut sama ada boleh diambil alih atau tidak.

Seramai 24 orang peserta forum di akaun laman sosial milik Pemuda UMNO Malaysia telah memberikan maklumbalas kepada kenyataan TPM.

Peserta-peserta forum di akaun Facebook Pemuda UMNO Malaysia memperlihatkan hujah pendapat peserta forum dalam proposisi bercampur-campur terhadap Muhyiddin sebagai sumber berita yang diperakukan sebagai penting untuk memperkatakan sesuatu yang berimpak tinggi dalam politik. Ia juga digunakan sebagai elemen perbandingan kebaikan yang telah dibuat oleh kerajaan menerusi parti pemerintah dengan parti pembangkang. Namun, proposisi peserta forum yang lain menganggap kenyataan TPM itu sebagai bersifat ideologikal, tidak telus dan cara terbaik untuk memberikan 'pengajaran' kepada kerajaan yang sedemikian adalah dengan menukar parti pemerintah kepada parti pembangkang. Pola bingkai DPM menunjukkan bingkai *diagnostic* mewarnai isi hujah pendapat para peserta forum yang rata-rata mempersoalkan tindak-tanduk negatif kerajaan sedia ada dalam tempoh pemerintahannya. Demikianlah juga dengan bingkai motivational yang menunjukkan sebilangan besar peserta wacana mengajak para peserta forum lain untuk memilih pakatan rakyat dalam pilihanraya yang akan datang dengan harapan parti pembangkang itu boleh mengubah situasi sedia ada.

Corak dan aliran pendapat para peserta forum juga begitu ketara memperlihatkan sokongan terhadap artikel tambahan pula forum yang dianjurkan di akaun Facebook adalah milik sayap parti pemerintah. Hujah yang mengandungi petunjuk aliran pemerintah juga begitu jelas mendominasi perbincangan di laman sosial berkenaan. Untuk itu, justifikasi hujah pendapat para peserta forum begitu bersemangat memberikan amaran sekaligus merangsang emosi peserta forum lain untuk membuat penilaian ke atas pakatan rakyat melalui bukti sedia ada. Sungguhpun begitu, peserta-peserta forum yang pro-pembangkang begitu jelas menjustifikasikan hujah mereka dengan cara menetapkan sasaran untuk mengubah penguasaan kerajaan pemerintah sedia ada kepada kerajaan yang diterajui pembangkang dengan menimbulkan persoalan sampingan tentang kemampuan kerajaan sedia ada untuk membantu ekonomi rakyat.

**Jadual 1: Aplikasi 'Model Analisis Proposisi Bingkai DPM dan Justifikasi Pendapat' ke atas akaun Facebook Pemuda UMNO Malaysia**

Bil.	Deskriptor Corak	Deskriptor Aliran	Proposisi Bingkai DPM	Pola bingkai DPM	Justifikasi Hujah Pendapat
1	'Skrng ni gomen bn banyak sangat berlaku ketirisan, salah guna kuasa, menipu rakyat, mendajal rakyat' (bantah)	'Kalau PR jadi kerajaan boleh suka hati rampas' (pemerintah)	Kenyataan pemimpin sebagai sumber berita politik	'isu nie rakyat tidak diberi liputan dan pendedahan' ( <i>diagnostic</i> )	Memberikan amaran akibat yang bakal ditanggung jika memilih kerajaan yang salah
2	'Senang betul muhyiddin nie memperbodohkan rakyat' (bantah)	'Aku mengambil sikap tidak menyebelahi mana2 parti dan aku akan undi yg rasa terbaik' (non-partisan).	Perbandingan status rekod perkhidmatan kerajaan Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat	'Pakatan rakyat buat fitnah, UMNO yang salah' ( <i>motivational</i> )	Menetapkan sasaran agar kerajaan BN ditukar kerana rekod buruk dalam pentadbiran
3	'Bagi yg xtahu dan buat2 tak tahu sahaja terpanggil utk percaya muhyiddin nie' (bantah)	'kalau dah PR hancurkan negeri baru nak undi BN balik..apa punya citer..jgn nak perjudikan masa depan anak2' (pemerintah)	Pilihan pengundi berorientasikan ketelusan dan cara kerajaan memerintah	'kalau PR dah Menang, buktikan apa PR bolih lakukan utk Rakyat.' ( <i>motivational</i> )	Merangsang emosi peserta forum untuk menilai semula kerajaan Pakatan Rakyat.
4	'Tp bagi aku setakat ini kerajaan BN belum lg menambat keyakinan aku' (bantah)	'PR hanya tau janji kosong!' (pemerintah)	Tahap kepuasan pengundi terhadap kerajaan masih belum memuaskan	'Tp kalau PR lakukan kurang baik dari BN maka undilah BN' ( <i>prognostic</i> )	Meletakkan garispanduan untuk bertindak jika satu-satu visi tidak tercapai.
5	'sy sokong sdr reza' (sokong)	'Pemerintah yg ada skrg dh wajib ditukar n kita lihat plak cmaner PR memerintah' (pembangkang)	Tindakan menukar kerajaan adalah suatu hak yang perlu dipikul oleh rakyat	'Aku nie dh 3 kali mengundi dan dlm undi aku bukannya aku tak pernah undi BN. Tp sejak2 akhir nie mcm2 penyelewengan berlaku.' ( <i>diagnostic</i> )	Membuktikan bahawa pengalaman mengundi memberikan pengajaran tentang cara berfikir untuk memilih kerajaan.
6	'puak PR suka ajar rakyat buat kecoh' (sokong)	'kami akan membantu kerajaan BN' (pemerintah)	Ideologi memperlihatkan cara seseorang bertindak	'bukalah mata..negara lain barang naik lagi berlipat ganda...kata malaysia barang naik tapi cubA tgk satu rumah masih bolih ada 2 - 3 biji kereta. ( <i>diagnostic</i> )	Menimbulkan persoalan sampingan tentang kemampuan ekonomi rakyat dalam konteks Malaysia

### Analisis forum di portal berita Malaysiakini.com

Terdapat 12 hujah pendapat yang memberikan maklumbalas terhadap isu kelulusan permohonan BR1M terhadap masyarakat orang asli. Kebanyakan peserta forum yang memberikan maklumbalas terhadap laporan berita menganggap bahawa berita ini dihasilkan dari sisi *statu quo*. Ini dapat ditinjau daripada proposisi bingkai DPM yang memperlihatkan pelaporan berita sebagai 'alat propaganda' dan 'liputan yang menunjukkan kebaikan pihak parti pemerintah.' Proposisi bingkai DPM dihuraikan menerusi bingkai-bingkai *diagnostic* yang menjurus kepada penilaian serta pertimbangan terhadap tujuan kerajaan menerusi parti pemerintah memberikan BR1M kepada parti pemerintah.

**Jadual 2: Aplikasi 'Model Analisis Proposisi Bingkai DPM dan Justifikasi Pendapat' ke atas portal berita Malaysiakini.com**

Bil.	Deskriptor Corak	Deskriptor Aliran	Proposisi Bingkai DPM	Pola bingkai DPM	Justifikasi Hujah Pendapat
1	'500 utk membolehkan org asli hidup seperti kaum lain.....haha..pure stupidity.....'(bantah)	'UNDI tetap Pakatan Rakyat.... Hapuskan UMNO yang Expired' (pembangkang)	Berita BERNAMA sebagai alat propaganda	'Sebenarnya orang asli menjadi hamba di rumah sendiri masa pemerintahan bn, tanah mereka di rampas, hak2 mereka di abaikan' ( <i>diagnostic</i> ).	Merangsang emosi untuk menanggapi bahawa pemberian BR1M adalah suatu yang tidak ikhlas
2	'kot2 nak beli undi untuk PRU13 ni' (bantah)	'rakyat akan untung BN/UMNO akan taburkan wang ke mana-mana' (pembangkang)	BR1M dikatakan sebagai alat memancing undi	'Pastikan orang ini benar2 orang asli malaysia, jangan2 pati.'( <i>diagnostic</i> )	Memberi amaran tentang usaha memancing undi menjelang pilihanraya umum ke-13
3	'BR1M (Beri Rasuah 1Malaysia) sudah mali' (bantah)	'JANJI DITEPATI--- ---BN JANJI DAN TUNAI!-PR JANJI DAN CABAR RAKYAT' (pemerintah)	Pelaporan berita di media arus perdana di negara ini cenderung memberikan liputan yang memperlihatkan kebaikan pihak pemerintah	'Bodoh punya Bernama..!! adakah masyarakat org Asli tu bukan rakyat Malaysia ker..?? apa bezanya mereka dgn kaum kaum lain diMalaysia..apa perlunya berita mengenai BR1M utk mereka dasingkan seolah mereka sebagai second class citizen..?' ( <i>diagnostic</i> )	Menimbulkan persoalan di sebalik pelaporan berita tentang pemberian BR1M kepada masyarakat orang asli.

Corak pendapat peserta forum menunjukkan bantahan dengan kebanyakan peserta forum cenderung memihak kepada parti pembangkang. Rata-rata peserta forum memberikan

reaksi yang pelbagai dalam wacana isu pemberian BR1M kepada masyarakat orang asli. Sebilangan peserta forum berusaha merangsang emosi, memberikan amaran dan menimbulkan persoalan terhadap niat sebenar di sebalik pemberian BR1M. Para peserta forum juga mengetengahkan persoalan lain yang dianggap lebih penting berbanding pemberian bantuan wang tersebut iaitu tanggungjawab kerajaan terhadap kebajikan masyarakat orang asli dalam konteks kehidupan yang menyeluruh.

### **Analisis forum di portal berita Harakahdaily.net**

37 hujah pendapat dikesan dalam wacana di Harakahdaily.net yang memberikan reaksi terhadap topik berkaitan isu Akta Perhimpunan Aman yang menjurus kepada insiden tangkapan 14 orang ibubapa serta penjaga yang dikenalpasti pihak polis telah membawa anak-anak mereka ke perhimpunan di stadium Merdeka pada 12 Januari 2013. Proposisi bingkai DPM memperlihatkan ramai peserta forum yang percaya bahawa wujud peranan ahli politik dalam penguatkuasaan Akta yang dibincangkan. Ini dapat ditinjau daripada proposisi yang mengetengahkan aspek 'tekanan ke atas pasukan polis' dan 'aspek *favoritism* yang membawa kepada ketidakadilan' dalam penguatkuasaan undang-undang berkenaan. Untuk itu, dua bingkai DPM iaitu masing-masing bingkai *diagnostic* dan bingkai *motivational* dikesan digunakan untuk menunjukkan proposisi dalam bingkai DPM yang berkenaan.

Jadual 2 juga memperlihatkan corak pendapat yang membantah tindakan pemburuan oleh pihak polis terhadap ibubapa dan penjaga yang dikenalpasti telah membawa anak-anak mereka ke perhimpunan pada 12 Januari 2012 tersebut. Sebaliknya sebilangan peserta forum menyokong tindakan polis dengan pandangan bahawa tanggungjawab ibubapa adalah untuk memastikan anak-anak mereka dalam keadaan selamat dan bukannya mendedahkan mereka kepada bahaya akibat perhimpunan yang boleh mengundang kecelakaan.

Justifikasi hujah pendapat pula menyaksikan elemen merangsang emosi, meletakkan garispaduan, menimbulkan persoalan, membuktikan sesuatu dan menetapkan sasaran menjadi matlamat penyampaian hujah pendapat para peserta forum.

**Jadual 3: Aplikasi 'Model Analisis Proposisi Bingkai DPM dan Justifikasi Pendapat' ke atas portal berita Harakahdaily.net**

Bil.	Deskriptor Corak	Deskriptor Aliran	Proposisi Bingkai DPM	Pola bingkai DPM	Justifikasi Hujah Pendapat
1	'polis dicucuk hidung oleh bn memang perangai mcm tu' (bantah)	'Kita tukar aje kerajaan yang ada ni kepada kerajaan baru pada pru 13 ini. Tak boleh dipercayai lagi.'(pembangkang)	Perhimpunan oleh pembangkang ditanggapi sebagai gerakan yang membawa ancaman kepada masyarakat	'Kena ikut undang2 laa kata pejuang takkan dgn gertakan polis dah melatah jgn buat malu pembangkang.'( <i>diagnostic</i> )	Merangsang emosi dengan cara menunjukkan peranan polis dalam kemelut politik negara.
2	'Gambar-gambar yang telah rakam telah membuktikan anak-anak ini membuat provokasi. Terdapat juga gambar beberapa orang anak menterbalikan sebuah kereta polis, oleh itu polis mesti tangkap anak-anak ini bersama dengan ibubapa mereka.' (sokong)	'Elok gak polis buat mcm tu, mungkin dgn doa dari budak tu lebih cpt umno tersungkur.' (pembangkang)	Penguatkuasaan undang-undang dapat menangani perkara-perkara yang tidak diingini.	'kita kena bezakan majlis dgn himpunan aman.majlis ada target dan menyampaikan dasar dan maklumat pada rakyat.penguasa mempunyai autoriti untuk mengendalikan majlis.baik pembangkang atau kerajaan.'( <i>diagnostic</i> )	Meletakkan garis panduan terhadap tujuan dan kesan penguatkuasaan undang-undang
3	'Peserta penghimpunan telah bersalah kerana membawa anak-anak untuk dijadikan perisai manusia yang terang2 melanggar etika hak asasi manusia.' (sokong)	Kalau PDRM tak mau dicucuk idungnya macam kerbau sila undi PR... Insyallah maruah PDRM lebih baik dan dihormati...(pembangkang)	Polis dianggap sebagai alat untuk menjaga kepentingan politik pihak pemerintah	'Teringat kisah saidina ali berdialog dgn saidina umar...saidina ali puji kepimpinan umar dgn kata2 'rakyat akan jaga amanah,jika pemimpinnya amanah.sebaliknya rakyat akan qianat,jika pemimpinnya qianat'...sama2 kita hapuskan pemerintahan sekular dimalaysia ini...'( <i>motivational</i> )	Menimbulkan persoalan di sebalik peranan polis untuk menguatkuasakan Akta Perhimpunan Aman.

4	'tidak adil bagi larangan bawa anak. Tetapi dalam perhimpunan Umno/Bn boleh pulak.. ini tak adil namanya.' (bantah)	'Nak tukar ke nama ape? Tak perlu la tukar nama. Tukar kerajaan terus' (pembangkang)	Tekanan daripada kerajaan menerusi kawalan perundangan yang ketat mendorong sokongan kepada pembangkang.	'POLIS KAT MALAYSIA.....LAYAR DIPANGGIL ANJING-ANJING KOMPENI.....SEPERTIMANA PANGGILAN TERSEBUT PERNAH DIUTARAKAN OLIH BANG PITUNG DI INDONESIA SEMASA BANG PITUNG MENENTANG PENJAJAH BELANDA' ( <i>motivational</i> )	Membuktikan wujud ketidakadilan dalam penguatkuasaan perundangan di Malaysia terutama apabila perundangan tersebut dikuatkuasakan ke atas penyokong parti pemerintah.
5	'ibu bapa yg sokong BN boleh bawa anak kalau ada perhimpunan , x sokong BN x leh bawak! merepek jer.'(bantah)	'Hapuskan UMNO selesai semua MASALAH.'(pembangkang)	Ketidakadilan ( <i>favoritism</i> ) wujud dalam pelaksanaan Akta Perhimpunan Aman	'oleh itu wahai rakyat malaysia khususnya marilah kita beramai2 bertekad tukar kerajaan masa PRU13 nanti' ( <i>motivational</i> )	Menetapkan sasaran untuk bertindak akibat tekanan yang dilalui oleh rakyat di bawah pentadbiran kerajaan sedia ada.

### Perbincangan

Ruangan forum di laman sosial dan portal berita sama seperti ruangan komentar dan *shoutbox* dalam laman blog, mikroblog dan laman sesawang di mana ruangan forum membenarkan mana-mana individu memuatnaik pendapat dengan tujuan memberikan maklumbalas kepada satu-satu isu yang diutarakan melalui artikel, laporan berita atau komentar penyedia ruangan forum tersebut. Forum yang ideal seharusnya mengandungi semua jenis pendapat baik menyokong, membantah atau berkecuali terhadap isu dengan aliran yang memihak atau menentang pihak kerajaan atau bersikap tidak memihak. Setiap pendapat juga sepatutnya diungkapkan secara bijaksana di mana seseorang yang mengeluarkan pendapat itu mencernakan maklumat yang dianalisis. Seterusnya, wujud maklumat untuk menangani isu serta galakan untuk menyelesaikan isu mengikut idea atau langkah yang diperolehi daripada analisis ke atas isu.

Hujah pendapat yang komprehensif turut menampilkan tujuan yang jelas yang boleh dijustifikasikan dengan mudah menerusi pemahaman mengikut konteks tertentu. Pendapat yang jelas memberikan amaran, menetapkan sasaran, merangsang emosi, meletakkan garis panduan dan sebagainya perlu dalam membantu pihak yang penyedia forum membuat



pertimbangan wajar terhadap nilai-nilai yang boleh digarap hasil daripada perbincangan sesama ahli forum.

### **Forum di laman portal memperlihatkan kehadiran bingkai DPM serta corak dan aliran Pendapat**

Mohd. Hariszuan (dalam Hariszuan & Rizal, 2012) menjelaskan bahawa gerakan sosial baru di negara ini dipengaruhi oleh budaya popular dan intelektual awam yang terhasil secara spontan akibat interaksi dengan perubahan persekitarannya untuk membangunkan wacana dalam ruang awam yang secara perlahan tumbuh menjadi pendapat umum. Pendapat umum yang dizahirkan menerusi wacana atau forum di media portal seharusnya diberikan perhatian kerana forum yang menghasilkan pendapat umum mempunyai impak yang sukar dijangka baik kepada masyarakat yang terlibat dalam forum itu atau pun terhadap pihak yang terlibat dalam isu. Canton (2007) mengatakan bahawa perbincangan di internet khusus untuk memperjuangkan hak, ideologi dan kepentingan satu-satu kumpulan dalam masyarakat ibarat *'invisible war'* (perang yang tidak kelihatan) yang tidak dapat dirasai, didengari tetapi boleh dibaca dan ia berlaku tanpa had masa dan tujuan.

Oleh sebab itulah, maka, penilaian ke atas setiap forum di media portal perlu dilakukan secara sistematik. Ini penting untuk mengklasifikasikan mana-mana pendapat yang berpotensi menjadi punca perbalahan antara ahli-ahli masyarakat dengan pendapat yang konstruktif menangani satu-satu isu. Proses mencerakin segmen-segmen yang signifikan dalam pendapat seperti bingkai DPM serta corak dan aliran pendapat boleh membantu satu-satu pihak membuat pengelasan hujah pendapat yang berpotensi membantu atau mengancam keselamatan satu-satu pihak. Hasil penelitian ke atas tiga subjek itu sebuah laman sosial dan dua portal berita menunjukkan bahawa hampir semua bingkai DPM dan corak serta aliran pendapat dapat dikenalpasti wujud dalam masing-masing dua portal berita dan satu akaun laman sosial. Sekurang-kurangnya dua corak pendapat iaitu menyokong atau membantah dikesan ditonjolkan dalam komentar para peserta forum. Demikianlah juga dengan aliran pendapat yang rata-rata menyokong pihak pemerintah di laman sosial dan seimbang pula antara pemerintah dan pembangkang di dua portal berita yang menyajikan isu berkaitan kerajaan yang boleh mengundang komentar berteraskan politik.

Dalam konteks penataan bingkai DPM, bingkai *diagnostic* dan *motivational* mendominasi hujah bidasan dan ulasan yang boleh dikaitkan dengan sikap seseorang

peserta forum terhadap isu dan pihak yang terlibat dalam isu. Pandangan yang diterapkan dengan bingkai *diagnostic* boleh dikaitkan dengan perkara-perkara berikut;

- a) Peserta-peserta forum di akaun laman sosial Pemuda UMNO Malaysia serta dua portal berita iaitu Malaysiakini.com dan Harakahdaily.net pernah melalui isu serupa atau mirip kepada isu yang sedang dibincangkan pada masa lalu. Hal yang demikian membolehkan setiap peserta membuat ulasan bersifat *diagnostic* ke atas isu, dan;
- b) dorongan untuk bertindak menerusi penggunaan bingkai *motivational* pula menjurus kepada usaha menggalakkan penyertaan ahli-ahli forum untuk melakukan sesuatu terhadap isu dan pihak yang dinyatakan dalam isu.

Walau bagaimanapun, hasil analisis mengunjurkan persoalan tentang mengapa wujud bingkai *diagnostic* yang mencerminkan pengalaman, tanggapan dan harapan seseorang terhadap isu lebih-lebih lagi isu berkaitan kerajaan yang mempunyai impak politik baik kepada pada parti pemerintah mahu pun kepada rakyat? Mengapa pula sebilangan peserta forum begitu yakin mendorong pihak lain untuk menyertai misi '*menukar kerajaan,*' '*membuat pertimbangan terhadap kredibiliti pihak pembangkang*' dan '*menanamkan kebencian terhadap satu-satu pihak*'? Kedua-dua persoalan ini mungkin berkaitrapat dengan intipati isu itu sendiri. Pandangan seseorang peserta forum sudah tentu menjurus kepada penilaian serta keputusan hasil penilaian mereka terhadap isu itu sendiri. Jika ditinjau dengan teliti, kerajaan yang difokuskan dalam isu yang dibincangkan dalam forum baik dilaman sosial mahu pun di portal berita adalah kerajaan yang ditunjangi parti pemerintah yang kini dianggap sarat dengan kemelut dalaman membabitkan pemimpin dan ahli parti tersebut. Parti-parti pemerintah yang membentuk kerajaan dikatakan tidak telus, tidak berintegriti, kurang memberikan perhatian terhadap perkara pokok dalam hal membela kebajikan rakyat dan seumpamanya. Perkara-perkara negatif ini dikaitkan secara langsung bukan setakat terhadap jentera kerajaan yang digerakkan oleh parti pemerintah tetapi juga pemimpin-pemimpin parti berkenaan. Ooi (2012) menjelaskan bahawa konsep tadbir urus yang melibatkan bidang kenegaraan dapat dihayati secara mendalam melalui tiga dimensi iaitu, a. ruang menyuarakan pendapat, penyertaan dalam pembuatan keputusan dan kebertanggungjawaban terhadap isu kemasyarakatan, b. isu korupsi dan pembaziran dana awam; dan, c. keberkesanan serta kualiti pelaksanaan dasar kerajaan.

Justeru, bingkai *diagnostic* dan *motivational* yang membekalkan serba sedikit jawapan kepada kedua-dua persoalan di atas sebenarnya bukans setakat membantu kita memahami sikap serta emosi peserta-peserta forum terhadap isu tetapi lebih dari itu membimbing kita untuk memahami punca isu dan paling penting gambaran tentang gelagat

pihak yang dikaitkan dalam isu berkenaan dan dalam konteks isu yang dibincangkan di laman sosial dan portal berita yang dikaji, parti pemerintah yang menerajui kerajaan. Dalam hal ini, bingkai DPM menyumbang kepada pemahaman menyeluruh tentang peserta forum dan isu yang dibincangkan. Kefahaman terhadap kedua-dua entiti dalam wacana ini berguna untuk membantu satu-satu pihak menilai situasi semasa membabitkan pendapat kolektif masyarakat terhadap kerajaan.

Justeru, maklumat yang komprehensif seharusnya memberikan kefahaman yang komprehensif terhadap isu dalam kalangan masyarakat kerana tujuh peratus daripada ahli sesebuah masyarakat apa yang kita katakan, 38 peratus adalah cara kita menyampaikannya dan 55 peratus adalah apa yang mereka lihat (Maxwell,2011). Kenyataan Maxwell ini menjurus kepada peranan bingkai DPM khususnya bingkai *diagnostic* itu sendiri yang dapat membantu mencerakinkan maklumat untuk digunakan sebagai panduan untuk menilai satu-satu pendapat yang diutarakan oleh ahli-ahli masyarakat.

### **Justifikasi pendapat peserta forum**

Hopkins dan Lee (2012) berpendapat bahawa perkembangan sosial dan politik semasa di Malaysia mempamerkan keinginan masyarakat berbilang kaum, agama dan ideologi berkongsi ruang dan pemikiran menerusi internet. Oleh sebab itulah, jika diteliti dengan lebih mendalam, hampir setiap satu daripada pandangan yang dilontarkan dalam perbincangan di ruangan forum baik di laman sosial mahu pun portal berita menggambarkan tujuan seseorang peserta forum. Dua implikasi yang muncul akibat pendedahan justifikasi pendapat oleh seseorang peserta forum adalah, a. posisi seseorang dalam aliran dan corak pendapat yang memihak atau tidak memihak satu-satu kumpulan, parti politik atau kerajaan; dan, b. sumbangan peserta forum dalam menghidupkan perbincangan agar kandungan perbincangan tersebut berada di satu landasan yang diingini.

Seterusnya, justifikasi dalam hujah pendapat para peserta forum di laman sosial dan portal berita yang dikaji sudah tentu menjelaskan cara seseorang menanggapi satu-satu isu dari sudut pandangan seseorang yang mempunyai kepercayaan terhadap ideologi tertentu. Pengalaman dan taraf pendidikan juga membantu individu berkenaan untuk mengeluarkan pendapat beliau dalam isu yang sedang dibincangkan. Walau bagaimanapun, pendirian dan sikap yang ditonjolkan tidak semestinya diterima oleh peserta-peserta forum yang lain memandangkan pihak lain juga mempunyai cara tersendiri untuk mengupas isu tersebut.

Walaupun bagaimanapun, justifikasi pendapat tidak selalunya disertakan dengan fakta. Hakikatnya, fakta atau maklumat yang mempunyai sumber yang sahih penting dalam usaha

seseorang mengukuhkan hujah beliau terhadap satu-satu perkara. Pandangan yang dilontarkan secara sembrono lazimnya dikaitkan dengan elemen dendam, kebencian dan permusuhan yang sedang dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam forum dan pihak yang dibincangkan sebagai isu dalam forum tersebut. Seseorang yang secara mudah meluahkan pandangan tanpa mengemukakan bukti sebagai asas hujah beliau boleh dikategorikan sebagai penyebar khabar angin atau penyumbang bahan fabrikasi cerita atau fitnah. Hal yang sebegini tidak sepatutnya dilakukan apatah lagi isu yang dibincangkan membabitkan kepentingan umum dan pihak masyarakat secara umum akan memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang relevan dengan kepentingan mereka.

Namun, pandangan yang dikongsi dalam forum akan tinggal sebagai pandangan jika tidak ada reaksi atau maklumbalas daripada pihak lain terhadap pandangan tersebut. Oleh itu, semua pihak perlu mempunyai kesabaran dan sikap yang positif dalam menghadapi pandangan yang negatif kepada satu-satu pihak. kedua-dua nilai ini boleh dikecapi jika kita berusaha menaakul pandangan seseorang itu sebenarnya lahir daripada kotak pemikiran dan ruang lingkup pengalaman beliau yang bersifat eksklusif. Ini yang demikian kerana hanya mereka yang melalui satu-satu pengalaman atau isu sahaja yang mempunyai pandangan yang berbaur emosi berbanding mereka yang hanya mengetahui satu-satu isu menerusi pembacaan atau sebaran oleh pihak ketiga. Hal yang demikian menjelaskan bagaimana mesej menerusi laman portal mempunyai impak tertentu terhadap isu yang dibincangkan oleh pengguna-pengguna media portal, pengunjung laman portal dan pihak yang dinyatakan dalam isu tersebut (Lau, 2009).

### **Kesimpulan**

Masyarakat di negara ini mempunyai akses yang semakin meluas dan pelbagai dari segi keupayaan teknologi dan sumber ke atas bahan di internet sehingga membolehkan mereka melayari laman blog, laman sosial dan portal berita pada tahap yang sukar dijangkakan (Nik Nazmi, 2011). Akses dan aktiviti menggunakan internet dengan tujuan yang pelbagai membolehkan masyarakat memenuhi keperluan diri, tetangga dan masyarakatnya. Sungguhpun begitu, tidak semua aktiviti menggunakan internet khususnya perbincangan di ruangan forum mendatangkan faedah. Ada sebilangan peserta wacana menggunakan ruangan forum untuk menyebarkan fitnah, mengadu domba dan mewujudkan perasaan kurang senang satu-satu pihak menerusi tuduhan yang tidak berasas. Namun, sebilangan hasil aktiviti perbincangan di laman sosial dan portal berita boleh dimanfaatkan

sebagai input berguna kepada pihak yang terlibat dalam isu untuk menilai maklumbalas masyarakat terhadap isu dan pihak yang berkenaan. Pendekatan analisis wacana menggunakan Model Analisis Proposisi Bingkai DPM dan Justifikasi Pendapat boleh digunakan untuk membuat penilaian isi kandungan hujah pendapat para peserta wacana yang terlibat dalam aktiviti perbincangan di laman sosial dan portal berita di mana hasil analisis menunjukkan bahawa model analisis wacana boleh digunakan untuk mengupas subjek-subjek dalam forum yang dikaji.

Subjek-subjek dalam analisis wacana di ruangan forum seperti kandungan unit-unit kata bual dalam forum dan peserta forum boleh dicerakinkan mengikut konteks bingkai (*resonance*) DPM, justifikasi pendapat dan aliran serta corak pendapat peserta-peserta forum terhadap topik yang dibincangkan baik di laman sosial mahu pun di portal berita. Corak dan aliran pendapat dalam mana-mana forum isu yang memfokus kepada kerajaan baik yang dianjurkan di laman sosial mahu pun portal berita memperlihatkan arah tertentu baik yang menyokong, membantah atau berkecuali. Demikianlah juga dengan aliran pendapat yang begitu ketara memperlihatkan kecenderungan memihak kepada parti pemerintah, parti pembangkang dan non-partisan. Satu-satu hujah pendapat yang jelas menunjukkan corak dan aliran pendapat ini seringkali mendapat perhatian para peserta forum lain untuk mereka memberikan maklumbalas dalam bentuk pertanyaan, bidasan dan sebagainya.

Ketiga-tiga subjek analisis menggunakan model ini mengesahkan pandangan Granka (2010) tentang bagaimana teknologi internet dapat memudahkan seseorang menyebarkan maklumat kepada masyarakat pada skala yang besar dan dalam masa yang sama mendapat sokongan ahli-ahli masyarakat untuk menyelesaikan satu-satu masalah atau membincangkan satu-satu topik yang mempunyai kepentingan dalam kalangan kumpulan tertentu.

### **Rujukan**

Canton, J. (2007). *The top trends that will reshape the world in the next 20 years*. New York: Penguin Books

Flyvbjerg, B. (2000). *Ideal Theory, Real Rationality: Habermas Versus Foucault and Nietzsche Paper for the Political Studies Association's 50th Annual Conference, The Challenges for Democracy in the 21st Century*, London School of Economics and Political Science, 10-13 April 2000. Dipetik daripada: <http://flyvbjerg.plan.aau.dk/IdealTheory.pdf>.

Fairclough, N. L. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London: Routledge.

- Fairclough, N. L. & Wodak, R. (1997). Critical discourse analysis. In T. A. van Dijk (ed.), *Discourse Studies. Multidisciplinary Introduction, Vol. 2. Discourse as Social Interaction*. London: Sage
- Foucault, M. (1994). An Interview with Michel Foucault. Dalam Faubion, J.D. (Ed.), *Power* (p. 239-297). New York: The New Press.
- Granka, A. L. (2010). The Politics of Search: A Decade Retrospective *The Information Society*, 26: 364-374.
- Habermas, J. (1989a) Structural Transformation of the Public Sphere. Cambridge, Mass: MIT Press.
- Habermas, J. (1989b) "The Public Sphere: An Encyclopedia Article," in Bronner and Kellner 1989: 136-142.
- Harakahdaily.net. (2012). Apa kata tukar nama Akta Perhimpunan Aman? Dipetik daripada: <http://bm.harakahdaily.net/index.php/headline/16454-apa-kata-tukar-nama-akta-perhimpunan-aman>. Diakses pada: 1 Februari 2013.
- Haris Zuan & Rizal Hamdan. (2012). Wacana baru politik malaysia: perspektif ruang awam, budaya dan institusi. Petaling Jaya, Selangor: SIRD
- Hopkins, J. & Lee, CH.J. (2012). Thinking through malaysia: culture and identity in the 21st century. Petaling Jaya, Selangor: SIRD
- Lau, L. (2009). The malaysian insider: a year in the life of a country. Petaling Jaya, Selangor: The Malaysian Insider.
- Malaysiakini.com. (2012). BR1M 2.0: K'jaan lulus 34,000 permohonan Orang Asli (link: Bernama.com). Dipetik daripada: <http://www.malaysiakini.com/news/220464>. Diakses pada 1 Februari 2013.
- Maxwell, C.J.(2011). *Everyone communicates few connect*. Batu Caves, Selangor: PTS Publications
- Nik Nazmi Nik Ahmad. (2011). *Coming of age: a decade of essays 2001-2011*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Ooi Heng (2012). Pendedahan di parlimen: dasar dan cabaran malaysia. Petaling Jaya, Selangor: SIRD.
- Pemuda UMNO Malaysia (2012). Jangan salahkan Kerajaan Pusat. Mesej Timbalan Perdana Menteri kepada Kerajaan Selangor (link: [kritisonline.com](http://kritisonline.com)). Dipetik daripada: <https://www.facebook.com/pages/PEMUDA-UMNO-MALAYSIA/223318787412?fref=ts> Diakses pada: 1 Februari 2013